



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	22/7/2019	MUKA SURAT	: 33
JABATAN	:	IWK		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

IWK bersihkan sisa minyak punca pencemaran bau

HULU SELANGOR - Sisa minyak ditemui di kebuk masuk loji rawatan kumbahan di Batang Kali yang menyebabkan empat loji rawatan air (LRA) terpaksa dihentikan operasi kelmarin selesai dibersihkan Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) semalam.

Ketua Operasi IWK Wilayah Selatan, Ir Mohd Taufik Salleh berkata, loji berkenaan kembali beroperasi selepas kerja pembersihan selesai pada jam 5 petang dan pelepasan efluen mengikut piawaian ditetapkan Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Menurutnya, pihaknya menerima maklumat daripada Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) awal pagi semalam berhubung perkara itu sebelum pasukannya bergegas ke loji berkenaan pada jam 5 pagi untuk memeriksa keadaan loji dan kualiti efluen dilepaskan.

"Pemeriksaan dapati terdapat minyak pekat berwarna hitam masuk ke loji berkenaan pada jam 7 pagi semalam (kelmarin), kami terus hentikan pelepasan efluen buat sementara waktu bagi menjalankan operasi pembersihan segera.

Bahan berasas minyak disyaki punca pencemaran bau



Laporan Sinar Harian semalam.

"Bagi mengelak sebarang gangguan kepada kualiti efluen, pengasingan telah segera dibuat untuk mengawal pelepasan efluen terakhirnya ke Sungai Liam," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata, sebelum kemasukan minyak hitam tersebut, pasukan penyenggara loji memaklumkan tiada kesan buangan minyak pada hari sebelumnya dan loji berkenaan beroperasi secara biasa mengikut piawaian.

"Kami turut menyediakan pasukan bertugas 24 jam bagi memantau sebarang kemasukan bahan yang dibuat secara terlarang daripada berulang," katanya.